



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 61/2024

SIRI AKHIR PROGRAM KEMBARA JOM PLATFORM MENDAPATKAN MAKLUM BALAS DAN PANDANGAN TERHADAP PELAN TRANSISI KEPIMPINAN BELIA

1. **Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Adam Adli Abd Halim** hadir ke **Sesi Libat Urus Pelan Transisi Kepimpinan Belia** bersempena dengan penganjuran program **Kembara Jumpa Orang Muda (Kembara JOM) Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2024** bertempat di **Kompleks Pentadbiran Bandar Al-Wathiqu Billah, Kuala Nerus**, hari ini.
2. Program ini turut dihadiri oleh **Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO Negeri Terengganu, YB Hishamuddin Abdul Karim** dan **Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu, YBrs. Encik Asmadi Mohamad**.
3. Kembara JOM merupakan sebuah inisiatif **KBS** melalui **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** dan **Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY)** bagi membolehkan pemegang taruh belia menyampaikan maklum balas dan pandangan terhadap draf **Pelan Transisi Kepimpinan Belia** secara terus kepada **kepimpinan tertinggi KBS**.
4. Maklum balas dan pandangan yang diterima ini akan digunakan untuk **memuktamadkan pelan tersebut** yang bakal menjadi pemacu pelaksanaan **pindaan kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668]**.
5. Antara kandungan utama kepada pindaan Akta 668 adalah merangkumi **penurunan definisi had umur belia kepada 30 tahun**, **penetapan had umur ketua ataupun pemegang jawatan pertubuhan belia** iaitu 18 hingga 30 tahun dan **mengehadkan tempoh ketua pertubuhan belia selama empat (4) tahun**. Pindaan Akta 668 telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2019 dan akan **berkuat kuasa 1 Januari 2026**.

6. Sehubungan itu, Kembara JOM merupakan **platform terbaik bagi pemegang taruh belia**:
 - 6.1 mendapatkan maklum balas dan **pandangan tentang pelan transisi kepimpinan belia**;
 - 6.2 meningkatkan **pengetahuan dan pemahaman** berkaitan Akta 668 dan pindaan 2019;
 - 6.3 meningkatkan **pengetahuan dan pemahaman** mengenai hala tuju belia dan kepimpinan belia negara; dan
 - 6.4 mendapatkan **maklumat terkini** untuk merangka program dan aktiviti pembangunan belia yang menyeluruh, inklusif dan komprehensif.
7. Antara **pengisian aktiviti di bawah Kembara JOM** adalah taklimat oleh ROY, aktiviti Rakan Muda dan pameran reruai oleh jabatan/ agensi kerajaan.
8. Pelaksanaan Kembara JOM ini juga menzahirkan komitmen **Kerajaan MADANI** untuk memperkasakan pembangunan belia seiring dengan hasrat dan aspirasi dalam kerangka **Malaysia MADANI** dan **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)**.
9. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran Kembara JOM, sila hubungi **JBSN** melalui talian **03-8871 3744** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

14 September 2024

Lembaran Fakta Kembara Jumpa Orang Muda (JOM) 2024

- Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan **25 siri Kembara JOM** di seluruh negara dengan jumlah penyertaan keseluruhan ialah **22,357 orang** dan telah mencapai KPI pelaksanaan program Kembara JOM sebanyak 19,000 penyertaan. Penyertaan ini telah melebihi sasaran sebanyak **17.7 peratus**.
- Data semasa Pejabat Pertubuhan Belia (ROY) menunjukkan peratusan kepimpinan pertubuhan **belia di bawah umur 30 tahun** telah mencecah **53 peratus (57,754 orang)** berbanding 47 peratus (51,215 orang) yang berumur 30 tahun ke atas.

Tarikh dan Lokasi Pelaksanaan Program Kembara Jumpa Orang Muda (JOM)

Tarikh	Negeri
17 Februari 2024	Melaka Mall, Melaka
25 Februari 2024	Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Negeri Sembilan
10 Mac 2024	Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13 Shah Alam, Selangor
27 April 2024	Dewan Sultan Iskandar UTM, Johor
12 Mei 2024	Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kompleks Kerja Raya Kuala Lumpur
1 Jun 2024	Kompleks Belia dan Sukan Alor Setar, Kedah
2 Jun 2024	Dewan Pusat Konvensyen SP Arena, Seberang Jaya, Pulau Pinang
6 Julai 2024	Dewan Sharifah Khatreena Nuraniah, MRSM Arau, Perlis
14 Julai 2024	Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail, Kuantan Pahang
21 Julai 2024	Kolej Poly-Tech MARA, Meru Raya, Ipoh Perak
3 – 8 Ogos 2024	Sarawak (Pantai Pandan Lundu, Kuching, Kanowit, UTS Sibul, IKBN Miri, Curtin University Miri)
2 – 7 September 2024	Sabah (Harbour Mall Sandakan, PPR Taman Muhibah Sandakan, Putatan Kota Kinabalu, Kampung Tagaroh Kota Marudu, Kampung Biah Tengah Keningau dan IPG Kampus Keningau)
8 September 2024	Balai Raya Kg. Batu Manikar, WP Labuan
13 September 2024	Dewan Besar, Yayasan Islam Kelantan, Tunjung Kelantan
14 September 2024	Dewan Jubli Perak, Kompleks Pentadbiran Bandar Al-Wathiqu Billah, Kuala Nerus Terengganu